Kelantan kaji cadangan gubal undang-undang awasi kurikulum madrasah

UM - 3 FEB 2002

KOTA BHARU 2 Feb. — Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, beliau akan mengkaji cadangan Kerajaan Pusat untuk menggubal undang-undang bagi menubuhkan jawatankuasa mengawasi kurikulum dan aktiviti pembelajaran di sekolah pondok dan madrasah.

Beliau juga mahu meneliti tujuan kerajaan yang mahu merangka satu sistem pendidikan bersepadu bagi menyekat unsur-unsur politik daripada dibawa masuk ke sekolah.

"Saya tak kaji lagi benda tu, saya pun tak baca lagi apa tujuan dia," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan diploma kepada 150 graduan Institut Teknologi Darul Naim di sini hari ini.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sedang menggubal undang-undang bagi membolehkan satu jawatankuasa khas ditubuhkan untuk mengawasi kurikulum dan aktiviti pembelajaran di madrasah dan sekolah pondok.

Malah, kata Dr. Mahathir, kerajaan juga sedang merangka satu sistem pendidikan bersepadu bertujuan menyekat unsur-unsur politik daripada dibawa masuk ke sekolah.

Nik Abdul Aziz ketika ditanya mengenai penutupan Sekolah Tarbiyah Islamiyah Luqmanul Hakiem dekat Sungai Tiram, Johor hanya berkata, beliau tidak tahu mengenainya.